

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan :-

(a) usaha Kementerian meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dan sama ada pindaan merangkumi peruntukan kerahsiaan maklumat agar rakyat diberikan maklumat lengkap berhubung kilang yang diberikan lesen; dan

(b) komitmen Kementerian mengadakan konsultasi dengan penduduk setempat sebelum sebarang lesen kebenaran dikeluarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang sedang dalam proses pindaan lebih memberi tumpuan kepada pengukuhan penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), di mana pindaan yang akan dilakukan adalah komponen hukuman dan penalti yang lebih tinggi daripada nilai sedia ada. Selain daripada itu, nilai kompaun bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini juga akan ditingkatkan.

Sehingga kini tiada peruntukan dan tiada cadangan pindaan bagi membolehkan JAS mengadakan sesi konsultasi dengan penduduk setempat atau menghebahkan sebarang kelulusan yang dikeluarkan.

Sekian. Terima kasih.